



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	31/10/2019	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

### ***VVIP dikenal pasti terlibat pemburuan haram***

**KUALA LUMPUR** - Orang kenamaan atau VVIP adalah antara yang dikenal pasti terlibat dalam kegiatan pemburuan haram di sekitar hutan di Semenanjung Malaysia.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador berkata, pihaknya mendapat maklumat bahawa golongan itu aktif terlibat dalam kegiatan sedemikian.

"VVIP berkenaan sama ada orang politik atau pegawai kerajaan tidak akan terlepas daripada proses pendakwaan sekiranya ditangkap di lokasi kejadian.

"Tidak ada pengecualian ke atas diri mereka. Tiada keperluan melakukan pemburuan dalam hutan pada



**ABDUL HAMID**

zaman moden kini.

"Saya akan pastikan senjata api yang mereka guna dirampas sekiranya mereka dapat dikenal pasti," katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri mesyuarat Op Bersepadu Khazanah di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman

semalam.

Beliau berkata, golongan VVIP yang menjadikan pemburuan haiwan itu sebagai hobi perlu menyahut misi untuk menyelamatkan flora dan fauna.

"Jangan mereka menjadi penyumbang kepada kemusnahan, hentikanlah perbuatan yang tidak bertanggungjawab ini," katanya.

Abd Hamid berkata, pihaknya juga mengarahkan dua Batalion Pasukan Gerakan Am Senoi Praaq melibatkan seramai 1,073 orang untuk membantu Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) dan Jabatan Perhutanan Semenanjung

Malaysia menjayakan Op Bersepadu Khazanah.

"Mereka akan masuk serta meronda di semua penjuru taman negara demi memelihara alam flora dan fauna," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut menyokong usul untuk memasukkan hukuman baharu sebat mandatori kepada pemburu haram.

Sementara itu, mengulas mengenai serangan ke atas pos kawalan Pasukan Gerakan Am (PGA) Padang Besar Perlis pada Isnin lalu, beliau berkata, ia dipercayai bermotifkan dendam kerana penyeludup warga asing kini sukar untuk menyeludup keluar bahan mentah dari Malaysia.